

28/09/2002

Dr Mahathir lawat India bulan depan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan dua hari ke India dari 16 hingga 17 Oktober depan, bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan India.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata lawatan itu menunjukkan kesungguhan Malaysia memperkukuhkan hubungan baik yang sedia terjalin dengan negara itu.

"Keakraban kedua-dua pemimpin dan hubungan rapat rakyat kedua-dua negara dapat diterjemahkan dalam bentuk kerjasama lebih erat dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pelaburan, pendidikan dan teknologi," katanya pada Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Ketiga Malaysia-India di sini, hari ini.

Menteri Luar India, Yashwant Sinha, ketika berucap berkata, lawatan Dr Mahathir akan menjadikan hubungan antara India dan Malaysia lebih dinamik.

Katanya, lawatan Perdana Menteri India, Shri Atal Bihari Vajpayee ke Malaysia Mei tahun lalu memberi nafas baru dalam hubungan antara kedua-dua negara.

"Pertukaran lawatan lebih kerap antara pemimpin peringkat tertinggi adalah cara paling berkesan mengekalkan momentum hubungan dua hala," katanya.

Terdahulu, Syed Hamid dan Sinha mengadakan pertemuan kira-kira 30 minit sebelum mengetuai delegasi masing-masing pada mesyuarat suruhanjaya bersama itu.

Bercakap pada sidang akhbar bersama, kedua-dua Menteri Luar itu menyifatkan mesyuarat itu sebagai berjaya.

Syed Hamid berkata, Malaysia berharap India dapat mengurangkan lagi tarif terhadap import minyak kelapa sawit selain meningkatkan perdagangan komoditi itu.

Katanya, Malaysia juga ingin berkongsi kepakaran India dalam pelbagai bidang, terutama teknologi maklumat (IT) dan genetik.

"Kita perlu memastikan kerja sama yang dijalin dapat dilaksanakan dengan baik dan akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara," katanya

Sinha berkata, India yakin Malaysia akan memberi arah kepimpinan baru kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) apabila menjadi pengerusi pergerakan itu Februari tahun depan.

Katanya, India juga gembira Malaysia akan mengambil alih kepemimpinan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober depan.